

# LAPORAN TAHUNAN

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

2015

# Kandungan

## Maklumat Keperluan

- FUNGSI LEMBAGA (1)
- PENASIHAT (2)
- PENBERUSI (2)
- AHLI LEMBAGA (3)
- KUMPULAN PENGURUSAN (4)

## Rajuman Organisasi

- HALA TUJU STRATEGIK (5)
- PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN (8)
- USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI (8)
- PENBUKIHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI (8)
- ICT DALAM PENGURUSAN (13)
- BELANJAWAN DAN KEWANGAN (14)

## Rajuman Sumber Aset

- RANGKAIAN TEMPATAN DAERAH (RTD) ROMPIN (18)
- KAWALAN PEMBANGUNAN (18)
- PENGURUSAN RIZAB HIDUPAN LIAR (18)
- PENGURUSAN EKO SISTEM MARIN (18)

## Kualiti Hidup Masyarakat

- INFRASTRUKTUR FIZIKAL (18)
- KEMUDAHAN SOSIAL (18)
- PENGURUSAN KESIHATAN (21)
- PENGURUSAN KUMBAHAN (25)
- PENGURUSAN BISA PEPEJAL (28)

## Modal Insan

- PROGRAM KEUSHAWANAN (28)
- EKONOMI DESA (29)
- KEMASYARAKATAN (31)
- KEROHANIAN (33)

## Pelancongan

- PRODUK (34)
- AKSESSIBILITI (38)
- KEMUDAHAN PELANCONGAN (40)
- PEMASARAN (41)
- STATISTIK PELANCONG (44)

## Pengaba Kawangan (45)

# *Maklumat Korporat*

**FUNGSI LEMBAGA**

**PENASIHAT**

**PENGERUSI**

**AHLI LEMBAGA**

**KUMPULAN PENGURUSAN**

## MAKLUMAT KORPORAT

### FUNGSI LEMBAGA

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.



**PENASIHAT**

Y.A Bhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



**PENGERUSI**

YAB Dato' Seri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob  
(Menteri Besar Pahang)

## AHLI LEMBAGA



YB Dato'  
Maznah binti Mazlan



Y.H Dato' Setia  
Wangsa Pahang  
Dato' Mustafa Bin Abu Bakar



Y.M Dato'  
Tengku Alaudin Bin  
Tengku Abd. Majid



Y.H Dato' Haji  
Wan Abdullah  
Bin Haji Wan Salleh



Y.H Dato' Haji  
Md. Rusli Bin Ismail



Y.Bhg. Tan Sri  
Dr. Ong Hong Peng  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pelancongan Malaysia)



YBhg. Datuk  
Mohd Hashim Bin Abdullah  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pertanian dan  
Industri Asas Tani Malaysia)



Puan Norhana Binti Abdul Azis  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Badan Berkanun

## KUMPULAN PENGURUSAN



**Pengurus Besar**  
Y.H Dato' Haji Hashim bin Mat Tahir



**Pengurus Perbandaran  
dan Kerajaan Tempatan**  
Encik Borharuddin  
bin Wan Chik



**Pengurus  
Khidmat Pengurusan**  
Puan Nor Zaihan  
binti Othman



**Pegawai  
Pembangunan Masyarakat**  
Puan Nazratul Azra  
binti Tukirin

# *Pengurusan Organisasi*

**HALA TUJU STRATEGIK**

**PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN**

**USAHA KE ARAH  
PEMBUDAYAAN KUALITI**

**PENGUKUHAN SEMANGAT  
BERPASUKAN  
DAN PENINGKATAN MOTIVASI**

**ICT DALAM PENGURUSAN  
BELANJAWAN DAN KEWANGAN**

## **Kelulusan/Permohonan DEIA**

- (i) Permohonan Rayuan Pengecualian Penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) bagi Projek Membina dan Menyiapkan Jeti Awam di Kg. Air Batang, Pulau Tioman – (Dalam permohonan).

## **One Stop Centre**

Dalam Tahun 2015, Lembaga Pembangunan tidak menerima sebarang permohonan kelulusan pembinaan baru.

## **RIZAB HIDUPAN LIAR**

Jabatan PERHILITAN telah menyiapkan Pelan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman. Laporan ini telah dijadikan asas bagi merancang pembangunan di kawasan terrestrial Pulau Tioman termasuk juga cadangan projek RMK-10. Produk dan aktiviti pelancongan di kawasan ini sedang dikaji bagi mempelbagaikan aktiviti pelancongan yang pada masa ini lebih tertumpu kepada pantai dan laut sahaja.

## **PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN**

Kajian 'Conserving Marine Biodiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development' di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah siap sepenuhnya.

Institut Maritim Malaysia (MIMA) masih diperingkat menyiapkan kajian projek perintis 'Limit of Acceptable Change (LAC)', bagi perancangan dan pengurusan Taman Laut Tioman. Laporan akhir siap sepenuhnya.

# *Penurusan Sumber Asli*

**RANCANGAN TEMPATAN DAERAH  
(RTD) ROMPIN**

**KAWALAN PEMBANGUNAN**

**PENGURUSAN RIZAB HIDUPAN LIAR**

**PENGURUSAN EKO SISTEM MARIN**

### **Kelulusan/Permohonan DEIA**

- (i) Permohonan Rayuan Pengecualian Penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) bagi Projek Membina dan Menyiapkan Jeti Awam di Kg. Air Batang, Pulau Tioman – (Dalam permohonan).

### **One Stop Centre**

Dalam Tahun 2015, Lembaga Pembangunan tidak menerima sebarang permohonan kelulusan pembinaan baru.

### **RIZAB HIDUPAN LIAR**

Jabatan PERHILITAN telah menyiapkan Pelan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman. Laporan ini telah dijadikan asas bagi merancang pembangunan di kawasan terrestrial Pulau Tioman termasuk juga cadangan projek RMK-10. Produk dan aktiviti pelancongan di kawasan ini sedang dikaji bagi mempelbagaikan aktiviti pelancongan yang pada masa ini lebih tertumpu kepada pantai dan laut sahaja.

### **PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN**

Kajian 'Conserving Marine Biodiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development' di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah siap sepenuhnya.

Institut Maritim Malaysia (MIMA) masih diperingkat menyiapkan kajian projek perintis 'Limit of Acceptable Change (LAC)', bagi perancangan dan pengurusan Taman Laut Tioman. Laporan akhir siap sepenuhnya.

# *Kualiti Hidup Masyarakat*

**INFRASTRUKTUR FIZIKAL**

**KEMUDAHAN SOSIAL**

**PENGURUSAN KESIHATAN**

**PENGURUSAN KUMBAHAN**

**PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

## **KUALITI HIDUP MASYARAKAT**

### **INFRASTRUKTUR FIZIKAL**

#### **Bekalan Air**

Kerja pemasangan paip dari Pusat Taman Laut ke Kg. Salang masih di peringkat mendapatkan izin masuk dari pemilik tanah persendirian. Pada masa ini loji JBA di Kg. Tekek berupaya membekalkan air separa rawat 500,000 gpd berbanding penggunaannya 100,000gpd.

#### **Telekomunikasi**

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut yang menggunakan sistem 'Code Division Multiple Acces' (CDMA). Di samping itu, sebanyak 45 talian kemudahan telefon awam juga telah disediakan.

Dalam tahun semasa, semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Tekek sahaja) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

### **KEMUDAHAN SOSIAL**

#### **Perumahan**

Dalam tahun semasa, bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,314 orang manakala bilangan rumah ialah 697 buah seperti Jadual 7.

Kampung	Bil. Rumah	Bil. Penduduk
Salang	40	279
Air Batang dan Tekek	455	2,092
Paya, Genting dan Lanting	86	435
Mukut	46	225
Juara	70	283
<b>Jumlah</b>	<b>697</b>	<b>3,314</b>

**Jadual 7: Bilangan Kediaman dan Penduduk Tahun 2015**

Cadangan Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki Kg. Tekek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun siap pada Tahun 2015. Cabutan undi bagi fasa pertama telahpun dibuat manakala fasa kedua dijangka akan dilaksanakan pada Tahun 2016.



**116 unit Projek Perumahan Rakyat dimiliki yang telah siap dibina**

### **Ruang Niaga**

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan di mana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti Jadual 8.

Bil	Nama Kampung	Dive shop	Hiburan dan Rekreasi	Makanan	Perkhidmatan	Tred Pelbagai	Jumlah
1.	Salang	5	-	8	12	13	38
2.	Air Batang	4	-	17	19	8	48
3.	Tekek	4	4	27	14	52	101
4.	Paya	2		9	2	9	22
5.	Genting	4	-	18	13	18	53
6.	Mukut	1	1	8	12	7	29
7.	Juara	-	-	14	15	6	35
	<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>5</b>	<b>101</b>	<b>87</b>	<b>113</b>	<b>326</b>

**Jadual 8: Ruang Niaga Di Pulau Tioman**

Bagi Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek dari Syarikat DR Group Holdings Sdn. Bhd, pendaftaran pajakan tanah kepada syarikat ini sudah selesai. Pihak Arkitek sedang membuat pindaan akhir pelan dan akan membuat permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi kelulusan OSC.

## **PENGURUSAN KESIHATAN**

### **Kawalan Penyakit**

Aktiviti kawalan penyakit di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Rompin dalam mencegah kejadian penyakit Demam Denggi serta lain-lain penyakit yang berpunca daripada nyamuk dan serangga yang lain.

Bil	KAWASAN	TARIKH
1.	Semburan asap kali pertama di Kg. Juara	28 Januari 2015
2.	Semburan asap kali pertama di Kg. Salang	9 – 10 Mac 2015
3.	Semburan asap kali pertama di Kg. Air Batang	11 – 12 Mac 2015
4.	Semburan asap kali pertama di Kg. Tekek	24 – 26 Mac 2015
5.	Semburan asap di Kompleks Pendidikan Tekek berikutan aduan	1 Ogos 2015
6.	Semburan asap di Kg. Tekek & Air Batang berikutan kes denggi	20 – 21 Ogos
7.	Semburan asap di Kg. Tekek & Air Batang berikutan kes denggi (semburan ulangan)	27 & 29 Ogos 2015
8.	Semburan asap kali kedua di Kg. Tekek	1 – 4 September 2015
9.	Semburan asap di Kompleks Pendidikan Tekek dan Restoran Persona berikutan aduan	28 November 2015

**Jadual 9: Kerja-kerja semburan asap bagi kawalan penyakit bawaan vektor**



**kerja-kerja semburan asap (fogging) bagi kawalan nyamuk oleh anggota Lembaga Pembangunan Tioman bersama anggota Pejabat kesihatan Daerah Rompin**

### **Kes Penyakit Sarcocystosis**

Bagi tahun 2015, tiada Kejadian kes baru bagi penyakit Sarcocytosis di Pulau Tioman. Namun begitu, kawalan dan pengawasan berterusan terhadap penyakit ini dibuat oleh anggota kesihatan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Rompin bersama-sama anggota lembaga. Kawalan yang telah dilaksanakan adalah pemantauan kualiti air di Pulau Tioman sebanyak dua kali setahun iaitu pada 7 – 10 April 2015 dan 5 – 9 Oktober 2015.

Berdasarkan analisa kualiti air telah menunjukkan bahawa jangkitan penyakit Sarcocytosis di Pulau Tioman adalah berpunca daripada bekalan air yang tercemar. Oleh yang demikian, beberapa pendekatan telah dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa iaitu:

- a) Membuat perjumpaan bersama JKK kampung, pengusaha resort/chalet serta penduduk kampung untuk menerangkan supaya mengamalkan kebersihan di punca-punca air/ tangki simpanan di kawasan masing-masing; dan
- b) Meminta pengusaha resort/ chalet yang menginap di chalet-chalet agar sentiasa mengamalkan kebersihan seperti makan makanan yang dimasak dengan sempurna, minum air yang dimasak, dibotolkan atau dipekakkan sahaja serta membasuh tangan menggunakan sabun selepas menggunakan tandas.

### **Kawalan Mutu Makanan**

Pada tahun 2015, sebanyak 30 buah premis makanan telah diperiksa oleh pegawai Lembaga bersama-sama dengan pegawai daripada Klinik Kesihatan Tekek. Aktiviti ini dilakukan bagi mengelak dan mencegah daripada berlakunya kes keracunan makanan yang berpunca daripada makanan yang tidak bersih dan tidak selamat. Rating penggredan yang diberikan mengikut markah seperti berikut :

- a) Gred A : 86% - 100%
- b) Gred B : 71% - 85%
- c) Gred C : 51% - 70%
- d) 50% ke bawah : tiada penarafan gred

### *Kursus Pengendalian Makanan*

Lembaga Pembangunan Tioman telah menganjurkan Kursus Pengendali Makanan bagi tahun 2015 dengan kerjasama daripada Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, "Food Safety Solution". Kursus ini telah dijalankan di dua lokasi iaitu di Paya Beach Resort dan Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman masing-masing pada 3 & 4 September 2015. Seramai 47 orang pengendali makanan di Pulau Tioman telah menghadiri kursus tersebut. Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan mendidik para pengendali makanan dalam mengendalikan makanan dengan bersih dan selamat. Beberapa gambar aktiviti kursus seperti dibawah:



**Kursus Pengendalian Makanan**

### **Promosi Kesihatan**

BKT bersama-sama anggota kesihatan sentiasa menjalankan promosi kesihatan berkaitan pengawalan dan pencegahan demam serta kawalan keselamatan dan kualiti makanan di Pulau Tioman. Aktiviti ini melibatkan pemberian brosur dan pamphlet semasa menjalankan aktiviti semburan kabus dan pemeriksaan rating restoran dan kedai makan.

## **PENGURUSAN KUMBAHAN**

### **Projek Jangka Pendek**

Lembaga Pembangunan Tioman dengan hasil usahasama Indah Water Konsortium Pahang telahpun melaksanakan satu program jangka pendek bagi pengurusan kumbahan di premis swasta, bangunan kerajaan dan kediaman di Kg. Tekek dan Kg. Salang melalui peruntukan yang telah diluluskan dari Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC). Sebanyak 16 premis telah mengambil bahagian dalam program pengosongan tangki septik kali pertama di Pulau Tioman pada April 2015. Pengurusan Lembaga akan terus berusaha dari masa ke semasa untuk memohon peruntukan bagi melaksanakan projek jangka pendek penyelenggaraan sistem kumbahan di Kg. Air Batang, Kg. Paya, Kg. Genting, Kg. Mukut dan Kg. Juara.



***Kerja-kerja penyedutan septik tank yang dijalankan di Kompleks Salang***



***Kerja-kerja penyedutan septik tank di premis swasta Coral Reef Resort Kg. Tekek, Pulau Tioman***

## **PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

### **Pemungutan Berkesan**

Pelupusan sisa pepejal di Pulau Tioman diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal di Kg. Tekek dilaksanakan oleh anggota Lembaga manakala di Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Paya, Kg. Genting dan Nipah, sisa pepejal ini diswastakan kepada JKK kampung di Pulau Tioman. Sisa pepejal ini diangkut dengan menggunakan bot dan dihantar ke tapak pelupusan Kg. Tekek oleh setiap JKK kampung berkenaan. Bagi pengurusan sisa pepejal di Kg. Mukut, ianya diuruskan oleh JKK kampung berkenaan yang mana dilupuskan secara dibakar atau ditanam di atas tanah persendirian yang disewa oleh JKK kampung dan dilupuskan di Kg. Tekek mulai 2012. Sisa pepejal di Kg. Juara dibawa ke Kg. Tekek dengan menggunakan kenderaan 4wd yang melalui jalan Tekek-Juara.

Bahagian ini juga secara berterusan memastikan kerja-kerja penambahbaikan pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman sentiasa dilakukan secara berterusan. Pengurusan sisa pepejal yang berkesan meliputi pelaksanaan kerja pengangkutan sampah dengan baik, cara mengangkat tong ke lori, cara meletakkan semula tong ke tempat asal, membersihkan sampah-sampah yang jatuh di kawasan tong dan sebagainya supaya mutu kerja setiap anggota dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

### **Memperbaiki Sistem Pelupusan**

Pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun melantik Operator bagi Operasi & Penyelenggaraan insinerator kepada Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd untuk tempoh selama 2 tahun setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Sehingga kini insinerator ini sudah mula beroperasi pada tahun ini dan berupaya melupuskan sisa-sisa pepejal di seluruh Pulau Tioman.

## **Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan**

Pengurusan Lembaga dari semasa ke semasa akan melaksanakan program kitar semula mengikut keperluan memandangkan Lembaga tidak dapat menghantar bahan-bahan kitar semula yang telah dikumpulkan ke pusat-pusat kitar semula di tanah daratan. Namun begitu, Reef Check Malaysia (RCM) sentiasa memberi penerangan kepada pengusaha-pengusaha resort/ chalet supaya membuat pengasingan sampah serta kitar semula di kawasan masing-masing.

### **Perlaksanaan Projek kompos (Vermicomposting)**

Projek pengkomposan daun-daun kering dengan kerjasama UPM telah melalui fasa promosi yang telah dijalankan pada 9 Mei 2015 bersempena dengan Program SASTIEC 2015. Lembaga telah membuka booth pameran projek kompos ini untuk memberi pendedahan kepada penduduk kampung, pelancong serta pengusaha resort/ chalet tentang pengasingan sisa hijau melalui pengurusan daun-daun kering.



***Pameran projek pengkomposan daun-daun kering dengan kerjasama UPM***

Pada 25 Ogos 2015 pula, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima kunjungan dan lawatan daripada dua orang penilai yang mana salah seorang wakil dari Pusat Pengajian Kemanusiaan, USM, Prof. Dr. Wan Ruslan Ismail manakala seorang wakil dari Green Leaf Synergy Sdn Bhd, En. Ramlan Ali untuk memantau dan menilai kerja-kerja bagi Projek Pengkomposan Vermi di Pulau Tioman. Projek ini merupakan Program Pemindahan Ilmu oleh UPM dengan kerjasama Pihak Lembaga yang bermula pada bulan Mei 2014 dan kini telah memasuki fasa promosi sebagai produk pelancongan di Pulau Tioman seterusnya akan dikembangkan lagi supaya ianya berterusan bagi memelihara dan memulihara ekosistem di pulau ini.



***Projek pengkomposan daun-daun kering dengan kerjasama UPM***

*Modal Insan*

**PROGRAM KEUSHAWANAN**

**EKONOMI DESA**

**KEMASYARAKATAN**

**KEROHANIAN**

## MODAL INSAN

### PROGRAM KEUSAHAWANAN

Aktiviti pelancongan merupakan asas utama penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan di Pulau Tioman. Bermula dengan penyediaan rumah penginapan, kedai makan, kedai runcit, perkhidmatan bot, sewaan motosikal, basikal dan kereta, kedai serbanika, bebas cukai serta kedai kraftangan semuanya merupakan perniagaan berkaitan sektor pelancongan.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dilakukan oleh agensi termasuk Lembaga sendiri untuk membantu para usahawan yang sedia ada serta usahawan baru dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan mengadakan kursus- kursus keusahawanan. Berikut merupakan bengkel dan juga kursus yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 anjuran pelbagai agensi yang dibantu oleh pihak Lembaga.

TARIKH	AGENSI	TEMPAT	KURSUS	BIL. PESERTA
22 Januari	SOLS 24/7 dan My Digital Education Camp (MDEC)	Bilik Mesyuarat Lembaga Pembangunan Tioman	Kursus Asas IT	23 orang
25 Februari	Reef Check Malaysia	Bilik Mesyuarat Lembaga Pembangunan Tioman	Bengkel Pelancongan Lestari (Pengiktirafan Eko Label)	8 orang
9 – 10 April	Kementerian Kesihatan	Pejabat Kastam DiRaja Malaysia Pulau Tioman	Kursus Asas Pertolongan Cemas (BLS) Bersama Jabatan Kerajaan dan Komuniti	25 orang
20 Ogos	Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang	Damai Tioman Resort	Kursus Malaysia Welcomes The World: We Are The Host	42 orang

TARIKH	AGENSI	TEMPAT	KURSUS	BIL. PESERTA
3 September	Lembaga Pembangunan Tioman	Paya Beach Resort	Kursus Pengendali Makanan	40 orang
4 September	Lembaga Pembangunan Tioman	Bilik Mesyuarat Lembaga Pembangunan Tioman	Kursus Pengendali Makanan	20 orang
19 September	Peladang Tioman	Bilik Mesyuarat Peladang Tioman	Kursus Asas Penternakan Kelulut	28 orang
26 Disember	Peladangnya Tioman	Bilik Mesyuarat Peladang Tioman	Kursus Pembuatan Kerongsang dan Alas Kaki	32 orang

**Jadual 10: Bengkel Dan Kursus 2015**

## **EKONOMI DESA**

Lembaga Pembangunan Tioman dari masa ke masa sentiasa berusaha membantu penduduk yang berminat dalam menjalankan perniagaan. Seiring dengan itu, Lembaga mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Perbadanan Kraftangan Malaysia, Jabatan Pertanian, KEMAS, MUIP, Pertubuhan Peladang dan juga RISDA untuk membantu meningkatkan sektor ekonomi desa ini. Sehingga kini, terdapat sebuah pusat batik yang masih beroperasi iaitu Suzila Batik di Kampung Genting. Suzila Batik menyediakan perkhidmatan belajar mencanting dan turut menjual hasil- hasil batik seperti hiasan dinding, pareo dan alas meja.

Terdapat juga sebuah pusat kraftangan di Kampung Juara yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Selain kraf dari bahan terbuang seperti bunga daun getah dan kraf dari tempurung, pengusaha pusat kraf ini juga menjual produk-produk kesihatan hasil bumiputera serta menjual pakaian hasil jahitan beliau sendiri. Pada masa hadapan, Lembaga mengharapkan lebih banyak lagi penduduk akan menceburi bidang ekonomi desa ini kerana ianya masih luas untuk diterokai.

Selain itu, perusahaan madu kelulut juga semakin menunjukkan perkembangan yang baik di Pulau Tioman. Perusahaan ini yang pada mulanya diwujudkan di Kg. Mukut hasil usahasama penduduk dan UNITEN, kini telah diluaskan ke Kg. Juara, Kg. Air Batang dan juga Kg. Tekek. Sehingga hari ini, anggaran 400 sarang kelulut diusahakan oleh penduduk sekitar Tioman. Antara produk yang dipasarkan hasil dari penternakan ini adalah madu kelulut asli dan juga sabun serbaguna kelulut.

## KEMASYARAKATAN

Pentadbiran Kerajaan Tempatan juga dari semasa ke semasa sentiasa mengatur dan melaksanakan program gotong-royong untuk memastikan dan meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Tioman. Selain itu, aktiviti ini juga dapat mencegah berlakunya kejadian penyakit berjangkit seperti demam denggi dan lain-lain di samping dapat mewujudkan hubungan yang baik antara penduduk, agensi-agensi/ jabatan-jabatan serta masyarakat tempatan.

Pada tahun 2015, BKT telah berjaya melaksanakan 11 aktiviti gotong-royong di Pulau Tioman.

Bil	Aktiviti	Jabatan/ Agensi yang terlibat	Tarikh
1.	Gotong-royong menambak tanah di jalan berdekatan dengan Sri Bungur Chalet, Kg. Air Batang	TDA JPAM JKKK & penduduk Air Batang	17 Januari 2015
2.	Gotong-royong penebangan pokok berdekatan Persona Island Resort dan Impian Mini Market, Kg. Tekek	TDA JPAM Penduduk yang berdekatan	29 Januari 2015
3.	Gotong-royong pembersihan sungai, laut dan pantai bersempena program NBOS (Strategi Lautan Biru Kebangsaan) pasca banjir di Kg. Nipah	TDA JPAM JTLM Jabatan Laut JKKK dan penduduk Genting/ Paya dan Mukut	15 -16 Mac 2015

Bil	Aktiviti	Jabatan/ Agensi yang terlibat	Tarikh
4.	Gotong-royong membersihkan Masjid, Kg. Tekek	TDA JKKK & penduduk Tekek	13 Mac 2015
5.	Gotong-royong membersihkan kawasan Kompleks Terminal Tekek dan kawasan sekitar, Kg. Tekek	TDA Pengusaha Gerai Terminal	19 Mac 2015
6.	Gotong-royong membersihkan kawasan Kompleks Terminal Salang dan kawasan sekitar, Kg. Salang	TDA TNB JPAM Pengusaha Gerai	2 April 2015
7.	Gotong-royong pembersihan dan pemotongan pokok yang menghalang laluan talian elektrik voltan tinggi dan rendah di kawasan jalan ke Taman Laut	TDA TNB	18 April 2015
8.	Gotong-royong pembersihan pantai dan laluan utama jalan di Kg. Paya	TDA JKKK Genting/ Paya Pengusaha Resort	22 April 2015
9.	Gotong-royong pengangkutan barang-barang lusuh di Kg. Air Batang & Kg. Salang	TDA Pengusaha Resort Penduduk Kampung	16 Jun 2015
10.	Gotong-royong pembersihan pantai dari Simpang TNB ke Dataran Tioman, Kg. Tekek	TDA Belia Tekek Pelajar UITM Shah Alam	30 Ogos 2015
11.	Gotong-royong pembersihan pantai dari Island Channel Recreation ke Taman Laut, Kg. Tekek	TDA CIAST, Jabatan Pembangunan Kemahiran	9 Oktober 2015

**Jadual 11: Program Gotong-Royong yang telah dilaksanakan bagi tahun 2015**



**Gotong-royong pembersihan pantai dan sungai di Kg. Nipah**



**Gotong-royong membersihkan kawasan Kompleks Terminal dan sekitar, di Kg. Salang**



**Gotong-royong penebangan pokok di Kg. Tekek**



**Gotong-royong mengangkut barang lusuh di Kg. Salang dan Air Batang**

## **KEROHANIAN**

Aspek kerohanian adalah asas utama dalam pembangunan modal insan. Oleh yang demikian, pihak Lembaga sentiasa menyokong usaha-usaha penganjuran program bersifat islamik yang melibatkan seluruh penduduk Pulau Tioman ini. Pelbagai ceramah dan kuliah agama di masjid dan surau-surau di seluruh Pulau Tioman diadakan sepanjang tahun. Program kerohanian lain yang telah dijalankan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>ANJURAN</b>
1	Bicara Mufti	17-19 Ogos	Jabatan Mufti Negeri Pahang
2	Rehlah Dakwah Pulau Tioman: Kembara Cinta Ilmu	20-22 September	AMJ Barakah Traders

**Jadual 12 : Aktiviti Kerohanian**

*Pelancongan*

**PRODUK**

**AKSESSIBILITI**

**KEMUDAHAN PELANCONGAN**

**PEMASARAN**

**STATISTIK PELANCONG**

## PELANCONGAN

### PRODUK

#### **Aktiviti Rekreasi Laut Dan Pantai**

Sehingga kini, hampir 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman tertumpu ke kawasan laut dan pantai di mana pulau- pulau Taman Laut yang masih terpelihara khazanah alamnya menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pusat Taman Laut itu sendiri, pulau- pulau kecil berhampiran seperti Pulau Rengis, Pulau Soyak dan Pulau Tulai adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti seperti snorkeling dan selam skuba.

Manakala di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti 'sunbathing' menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang sukakan aktiviti lebih mencabar kebiasaannya akan mencuba untuk meluncur ombak, berkayak dan *stand up paddle*.

Kaki pancing pula memilih aktiviti memancing dan mencandat sotong di laut dalam (jarak 2 batu nautika dari pantai bagi pulau Taman Laut). Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai ini dengan membantu melaksanakan beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta. Acara- acara ini telah pun menjadi acara tahunan di Pulau Tioman.

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
1	Tioman Surfestival (Kampung Juara)	29 hingga 31 Januari	Tioman Boardriders Event Management	<p>- Acara pada tahun ini melibatkan seramai 72 orang peserta yang terdiri dari 58 orang peserta tempatan dari Pulau Tioman, Kuantan, Cherating, Terengganu, Kuala Lumpur dan Johor Bahru</p> <p>- Peserta antarabangsa pula berjumlah 14 orang yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maldives- 10 orang</li> <li>• German- 2 orang</li> <li>• Indonesia- 2 orang</li> </ul> <p>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan media- media berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• RTM (Pahang dan KL)</li> <li>• Bernama KL</li> <li>• Majalah Lasak</li> <li>• Majalah Singgah Asia</li> <li>• Majalah Santai</li> </ul>
2	Bubble Camp (Kampung Genting)	14 - 17 Mac	Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd.	<p>- Penganjuran Bubble Camp pada tahun ini telah berjaya menarik minat 55 orang peserta yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 48 orang peserta snorkellers</li> <li>• 4 orang peserta Open Water Junior</li> <li>• 3 orang peserta Wings Junior Scuba</li> </ul> <p>- Para peserta terdiri dari pelajar sekolah berusia 7 hingga 15 tahun.</p> <p>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media- media berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Astro Awani</li> <li>• RTM Pahang</li> <li>• Radio RTM Pahang</li> <li>• Akhbar The Star</li> <li>• Majalah Santai</li> </ul>
3	Sail Malaysia Passage To The East (Kampung Tekek)	3 dan 4 Mei	SM Discovery Sdn. Bhd	<p>- Pada tahun ini sebanyak 33 buah kapal layar dengan 75 orang peserta dari pelbagai negara seperti Australia, Perancis, Jerman dan New Zealand telah singgah di perairan Tioman bagi menyertai Rally ini.</p> <p>- Berita tentang acara ini boleh di dapati di website <a href="http://www.sailmalaysia.net">www.sailmalaysia.net</a> dan laman facebook Sail Malaysia.</p>

BII	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
4	Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge (Kampung Tekek)	9 Mei	Tentu Intan Sdn. Bhd.	<p>- Penganjuran SASTIEC 2015 pada tahun ini telah menarik minat 176 orang peserta iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia - 166 orang peserta</li> <li>• Kenya - 9 orang peserta</li> <li>• Brazil - 1 orang peserta</li> </ul> <p>- Acara pada tahun ini telah mendapat liputan media dari;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhbar Berita Harian</li> <li>• Akhbar The Star</li> <li>• Bernama</li> <li>• Pahangku Media</li> <li>• NSTP</li> </ul>
5	Start In Tioman (Kampung Genting)	20 hingga 23 Ogos	Villagers Travel & Tours	<p>- Penganjuran SIT pada tahun ini telah berjaya menarik seramai 243 orang peserta yang terdiri daripada;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 46 orang peserta Open Water Dive Course</li> <li>• 137 orang penyelam berlesen</li> <li>• 25 orang snorkeler</li> <li>• 35 orang wakil media</li> </ul> <p>- Acara pada tahun ini mendapat liputan media dari;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhbar Utusan Malaysia</li> <li>• Bernama TV</li> <li>• Astro Awani</li> <li>• TV3 -Buletin Utama</li> <li>• Akhbar The Star</li> <li>• Akhbar Kosmo</li> <li>• Gaya Travel</li> <li>• Santai Travel</li> </ul>
6	Royal Pahang Billfish International Challenge (Kg. Lanjut, Rompin)	11 hingga 13 September	Persatuan Memancing Malaysia	<p>- Penganjuran acara RPBIC 2015 ini telah menarik minat seramai 135 orang peserta dari dalam dan luar negara. Sebanyak 65% peserta adalah dari luar negara seperti dari New Zealand, Australia, Indonesia, Singapura, China, Jepun dan Filipina.</p> <p>- Acara pada tahun ini mendapat liputan beberapa buah media seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhbar Utusan Malaysia</li> <li>• Akhbar The Star</li> <li>• RTM</li> <li>• Bernama</li> <li>• Majalah Santai Travel</li> <li>• Blogger tempatan dan antarabangsa</li> </ul>

**Jadual 13: Acara Pelancongan Berasaskan Aktiviti Laut dan Pantai**

### **Pembangunan Industri Pelayaran**

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 201 buah kapal layar telah singgah di Marina Awam Pulau Tioman. Selain dari pelayar yang singgah untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lain, terdapat segelintir yang memilih untuk tinggal lebih lama di Pulau Tioman. Ada antara pelayar yang tinggal melebihi 3 bulan dan ada juga pelayar yang berulang setiap tahun untuk menghabiskan masa di Pulau Tioman. Hal ini kerana mereka tertarik dengan keindahan alam semulajadi yang ada di sini selain dari kemudahan marina yang baik. Para pelayar dapat menggunakan kemudahan elektrik dan sumber air tawar di marina dengan kadar bayaran tertentu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut.

### **Pembangunan Aktiviti Daratan**

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautan dan pantainya, aktiviti daratan seperti kembara hutan dan 'rock climbing' juga semakin menjadi pilihan pelancong. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga sentiasa bersikap terbuka untuk membantu mana- mana pihak yang berminat menjalankan program berkaitan aktiviti tersebut.

Penganjuran acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge yang telah tujuh kali dianjurkan sedikit sebanyak membantu membangunkan aktiviti daratan di Tioman. Laluan perlumbaan merangkumi kawasan yang mempunyai nilai- nilai sejarah dan alam semulajadi menjadi tarikan peminat sukan ini. Selain itu, trek kembara hutan dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan Kampung Air Batang ke Kampung Salang merupakan antara dua laluan yang paling popular digunakan oleh pelancong untuk menjalankan aktiviti kegemaran mereka ini.

Selain itu, sebuah pusat rekreasi yang dikenali sebagai Taman Pelanduk telah dibangunkan oleh JKK Kampung Juara di Kampung Juara sendiri. Taman ini

dijadikan satu pusat informasi dan pemeliharaan pelanduk yang membolehkan para pelancong mengenali lebih dekat lagi haiwan yang agak terkenal di Pulau Tioman ini.

### **Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh**

